Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Perlis Bhd lwn Wibawa Tulin Sdn Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KANGAR) — GUAMAN SIVIL NO 22NCVC-05–08 TAHUN 2016
ABU BAKAR PK
24 MEI 2018

Kontrak — Perjanjian — Pembentukan perjanjian — Sama ada perjanjian usahasama sah mengikut undang-undang — Akta Koperasi 1993 s 53(1) — Undang-Undang Kecil Koperasi s 72(1) & (2)

Prosedur Sivil — Penghakiman dan perintah — Perintah garnis — Sama ada tindakan defendan pertama membawa presiding garnis terhadap wang plaintif sah mengikut undang-undang — Sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan — Sama ada tindakan plaintif terhadap defendan-defendan dihalang oleh had masa dan doktrin 'laches'

Plaintif merupakan sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 ('Akta tersebut'). Plaintif telah memfailkan tindakan di mahkamah ini terhadap defendan pertama iaitu Wibawa Tulin Sdn Bhd dan defendan kedua dan defendan ketiga selaku pengarah defendan pertama. Wibawa Tulin Sdn Bhd melalui Guaman Sivil No 22–14 Tahun 2011 ('Guaman 2011 tersebut') telah memfailkan writ dan penyata tuntutan terhadap plaintif yang dikatakan berlaku pecah kontrak dalam perjanjian usahasama untuk projek perumahan. Dalam Guaman 2011 tersebut, melalui perintah garnis bertarikh 13 Julai 2011, wang plaintif berjumlah RM1,613,024.12 secara salah diperintahkan dibayar kepada defendan pertama. Plaintif kemudiannya memfailkan tindakan ini bagi menuntut wang sejumlah RM1,613,024.12 yang diperolehi defendan pertama secara salah mengikut undang-undang. Isu-isu yang dibangkitkan adalah: (a) sama ada perjanjian usahasama antara plaintif yang diwakili oleh Hj Rosley bin Mat dan defendan pertama sah mengikut undang-undang yang menjadi asas Guaman 2011; (b) sama ada tindakan defendan pertama membawa prosiding garnismen terhadap wang plaintif berjumlah RM1,613,024.12 sah mengikut undang-undang; (c) sama ada plaintif berhak mendapatkan balik wang yang digarnis berjumlah RM1,613,024.12; (d) sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan; dan (e) sama ada tindakan plaintif terhadap defendan-defendan dihalang oleh had masa dan doktrin 'laches'.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif dengan kos sebanyak RM1,000

berserta alokatur dan memerintahkan defendan-defendan membayar RM1,613,024.12 kepada plaintif:

(1) Perjanjian tersebut sepatutnya ditandatangani oleh tiga orang iaitu pengerusi, bendahari dan setiausaha mengikut peruntukan s 72(1) dan (2) Undang-Undang Kecil Koperasi. Mahkamah mendapati perjanjian tersebut tidak sah dan ia tidak boleh menjadi asas Guaman 2011 (lihat perenggan 17 & 19).

(2) Prosiding garnismen adalah berpunca daripada perjanjian tersebut yang melanggar undang-undang iaitu s 53(1) Akta tersebut dan s 72(1) dan (2) Undang-Undang Kecil Koperasi. Sehubungan itu defendan-defendan tidak berhak menikmati wang yang digarnis berjumlah RM1,613,024.12. Mahkamah mendapati penghakiman ingkar yang menjadi asas prosiding garnismen tidak teratur dan menjejaskan tindakan defendan pertama mendapatkan wang RM1,613,024.12 daripada plaintif (lihat perenggan 23 & 34).

(3) Mahkamah mendapati penyata tuntutan pindaan yang difailkan oleh plaintif tidak kabur sebagaimana dakwaan peguam defendan-defendan yang terpelajar. Mahkamah juga mendapati sekiranya dakwaan defendan-defendan benar iaitu 'penyata tuntutan mendedahkan kausa tindakan atau pembelaan yang tidak munasabah, mengikut mana-mana yang berkenaan; ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan; ia boleh menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan itu dengan adil; atau ia selainnya adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah, dan boleh memerintahkan tindakan itu digantung atau ditolak atau penghakiman dicatatkan dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan', defendan-defendan boleh memfailkan permohonan untuk membatalkan penyata tuntutan plaintif di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Defendan-defendan hanya membangkitkan isu ini di dalam penghujahan dan ia bersifat berfikir kemudian (lihat perenggan 37–39).

(4) Isu had masa tidak dapat dipertimbangkan kerana ia tidak diplidkan dalam penyata pembelaan pindaan. Sebagaimana isu had masa, defendan-defendan juga gagal memplidkan pembelaan 'laches'. Mahkamah menggunakan alasan-alasan yang sama semasa menyentuh isu had masa dalam konteks pembelaan 'laches'. Mahkamah mendapati defendan-defendan tidak boleh bergantung kepada pembelaan 'laches' kerana ia tidak diplidkan dalam penyata pembelaan pindaan (lihat perenggan 46 & 52).

[English summary

The plaintiff was a society corporation established under the Societies Act 1993 ('the Act'). The plaintiff filed the action in the present court against the first defendant, Wibawa Tulin Sdn Bhd and the second defendant and the third

A defendant as the director of the first defendant. Wibawa Tulin Sdn Bhd through Civil Suit No 22–14 of 2011 ('Suit 2011') had filed writ and statement of claim against the plaintiff, who allegedly breached the contract under a joint venture agreement for a housing project. In Suit 2011, through a garnishee order dated 13 July 2011, the plaintiff's money amounting to
B RM1,613,024.12 was wrongly been awarded to the first defendant. The plaintiff then filed the present action claiming the sum of RM1,1613,024.12 which was wrongly awarded to the first defendant according to law. The issues brought for the present actions were: (a) whether the joint venture agreement between the plaintiff and the first defendant was valid according to the law
C which became the basis for the Suit 2011; (b) whether the act of the first defendant brought the garnishee proceeding for the plaintiff's money amounting to RM1,613,024.12 was valid according to law; (c) whether the plaintiff was entitled to claim the return of garnished money of
D RM1,613,024.12; (d) whether the plaintiff had cause of action against the defendants; and (e) whether the act of plaintiff against the defendants was restricted by limitation of time and doctrine of laches.

Held, allowing plaintiff's claim with cost of RM1,000 with allocator and
E ordering payment of RM1,613,024.12 by defendants to plaintiff:

(1) The said agreement should be signed by three persons including the chairman, the treasurer and the secretary as inbaccordance with s 72(1) and (2) of Society By-Laws. The court ruled that the agreement was
F invalid and could not be the basis for 2011 legal action (see paras 17 & 19).

(2) The garnishee proceeding was based on the agreement which breached the law in s 53(1) of the Act and s 72(1) and (2) of Societies By-Laws. Therefore, the defendants were not entitled to claim for the garnished
G money amounting to RM1,613,024.12. The court ruled that the judgment in default which became the basis in the garnishee proceeding was not in order and affecting the right of the first defendant to claim for the sum of RM1,613,024.12 from the plaintiff (see paras 23 & 34).

H (3) The court ruled that the amended statement of claim filed by the plaintiff were not vague as alleged by learned counsel of the defendants. The court also ruled that if the argument made by the defendants who claimed 'the statement of claim led to unreasonable cause of action or defence as related to it, as it was scandalous, frivolous and fictitious, it could affect,
I deny or delay the fair trial, or it could cause an abuse process of court and could order the act to be stayed or dismissed or judgment was recorded as ordered, as following related to it, the defendants could file the application to strike out the statement of claim of the plaintiff under O 18 r 19 of the Rules of Court 2012. The defendants were only raised

this issue during the submission and it was considered as an afterthought (see paras 37–39).

(4) The issue of limitations of time could not be considered and determined by the court as it was not pleaded in the amended statement of defence. The same situation applied to the issue of doctrine of 'laches'. The court ruled that the defendants could not rely on the defence of 'laches' as it was not pleaded in the amended statement of defence (see paras 46 & 52).]

Nota-nota

Untuk satu kes mengenai pembentukan perjanjian, lihat 3(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 3525.
Untuk satu kes mengenai perintah garnis, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 5619.

Kes-kes yang dirujuk

Baharuddin bin Ali & Anor v Suharta Development Sdn Bhd [2003] MLJU 127; [2003] 1 LNS 113, MT (dirujuk)
Citibank Bhd v Leong Wey Pyu & Anor [1998] MLJU 189; [1998] 3 CLJ SUPP 1, MT (dirujuk)
Instantcolor System Sdn Bhd v Inkmaker Asia Pacific Sdn Bhd [2017] 2 MLJ 697; [2017] 4 CLJ 1, MP (dibeza)
Lee Ah Chor v Southern Bank Bhd [1991] 1 MLJ 428; [1991] 1 CLJ Rep 239, MA (dirujuk)
Lim Kar Bee v Duofortis Properties (M) Sdn Bhd [1992] 2 MLJ 281, MA (dirujuk)
Nam Sin & Sons Sdn Bhd lwn Pakatan Raya Sdn Bhd [2001] 1 MLJ 531; [2001] 2 CLJ 412, MT (dirujuk)
Seok Mee Seong v Abdul Wahab bin Abdul Rahman [1989] 1 MLJ 193; [1988] 2 CLJ Rep 415, MT (diikut)
Syarikat Kemajuan Timbermine Sdn Bhd v Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim [2015] 3 MLJ 609, MP (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Had Masa 1953 s 6(1)
Akta Koperasi 1993 s 53(1), (2)
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19,
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 49 kk 1, 3

Jamil bin Mohamed Shafie (Jamil Mohamed Shafie & Assoc) bagi pihak plaintif.
Azwani bt Abd Rahman (Amir Azwani & Jailani Norfaruqi) bagi pihak defendan.

Abu Bakar PK:

PENGENALAN

[1] Plaintif merupakan sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 ('Akta itu'). Plaintif telah memfailkan tindakan di mahkamah ini terhadap defendan pertama iaitu Wibawa Tulin Sdn Bhd dan defendan kedua dan defendan ketiga selaku pengarah defendan pertama.

[2] Wibawa Tulin Sdn Bhd melalui Guaman Sivil No 22–14 Tahun 2011 ('Guaman 2011') telah memfailkan writ dan penyata tuntutan terhadap plaintif yang dikatakan berlaku pecah kontrak dalam perjanjian usahasama untuk projek perumahan. Dalam Guaman 2011, melalui perintah garnisi bertarikh 13 Julai 2011 wang plaintif berjumlah RM1,613,024.12 secara salah di perintahkan dibayar kepada defendan pertama.

[3] Plaintif kemudannya memfailkan tindakan ini bagi menuntut wang RM1,613,024.12 yang diperolehi oleh defendan pertama secara menyalahi undang-undang.

[4] Perbicaraan penuh telah diadakan dan di akhir perbicaraan, mahkamah ini telah membenarkan tuntutan plaintif di perenggan 16(a) dan (e) dan kos sebanyak RM1,000 berserta *allocatur*.

[5] Defendan-defendan yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

KES UNTUK PLAINTIF

[6] Plaintif yang diwakili secara tidak sah oleh Hj Rosley bin Mat telah menandatangani perjanjian usahasama dengan defendan pertama bagi membangunkan tanah bagi tujuan projek perumahan.

[7] Defendan pertama kemudiannya melalui Guaman 2011 telah memfailkan tindakan terhadap plaintif untuk menuntut ganti rugi kerana didakwa plaintif telah pecah kontrak.

[8] Defendan pertama telah memperolehi penghakiman ingkar bertarikh 9 Mei 2011 terhadap plaintif (defendan dalam Guaman 2011) untuk jumlah RM7,657,919.50 berserta kadar faedah 8% setahun mulai tarikh saman difailkan sehingga pembayaran penuh dan kos sebanyak RM236.

[9] Defendan pertama (plaintif dalam Guaman 2011) telah memfailkan

prosiding garnismen dan wang plaintif sebanyak RM1,613,024.12 telah digarnis.

[10] Plaintif membawa tindakan ini bagi menuntut wang yang secara salah telah digarnis oleh defendan pertama melalui Guaman 2011.

KES UNTUK DEFENDAN-DEFENDAN

[11] Defendan-defendan menegaskan prosiding garnismen yang diambil terhadap plaintif dalam Guaman 2011 merupakan tindakan yang sah. Wang berjumlah RM1,613,024.12 secara sahnya telah digarnis oleh defendan pertama. Defendan-defendan tidak bertanggungan untuk membayar balik wang yang digarnis kepada plaintif sebagaimana yang dipertikaikan dalam tindakan sekarang.

ISU-ISU YANG PERLU DIBICARAKAN

[12] Mahkamah ini telah meneliti penghujahan bertulis pihak-pihak, beberapa isu telah diketengahkan iaitu:

(a) sama ada perjanjian usahasama antara plaintif yang diwakili oleh Hj Rosley bin Mat dan defendan pertama sah mengikut undang-undang yang menjadi asas Guaman 2011;

(b) sama ada tindakan defendan pertama membawa prosiding garnismen terhadap wang plaintif berjumlah RM1,613,024.12 sah mengikut undang-undang;

(c) sama ada plaintif berhak mendapatkan balik wang yang digarnis berjumlah RM1,613,024.12;

(d) sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan; dan

(e) sama ada tindakan plaintif terhadap defendan-defendan dihalang oleh had masa dan doktrin 'laches'.

Bagi isu (a)

[13] Peguam plaintif yang terpelajar secara panjang lebar menghujahkan perjanjian usahasama bertarikh 18 Mac 2002 ('perjanjian tersebut') antara plaintif yang diwakili oleh Hj Rosley bin Mat selaku pengerusi dan defendan pertama bercanggah dengan peruntukan s 53(1) dan (2) Akta itu. Perjanjian tersebut ditandatangani tanpa persetujuan lembaga pengarah plaintif dan hanya ditandatangani oleh Hj Rosley bin Mat dan tindakan ini bercanggah dengan peruntukan s 72(1) dan (2) Undang-Undang Kecil Koperasi.

[14] Mahkamah ini berpendapat bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 53(1) Akta itu yang memperuntukan seperti berikut:

> (1) Subject to sections 51 and 52, the transactions of a co-operative society with persons other than its members shall be subject to such prohibitions and restrictions as may be set out by its by-laws.

Begitu juga bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 72(1) dan (2) Undang-Undang Kecil Koperasi yang berbunyi seperti berikut:

> 72(1) Koperasi ini hendaklah ada satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeteraikan diatas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari atau pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka diatas tiap-tiap surat yang dimeteraikan.
>
> (2) Dokumen-dokumen yang diperbuat atas nama Koperasi sama ada dimeterai atau tidak dan ditandatangani dengan sahnya oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari atau pegawai-pegawai lain yang diberikan kuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat keatas Koperasi sehingga sebaliknya dibuktkan.

[15] Mahkamah ini telah meneliti keterangan saksi plaintif iaitu SP1 (Abd Aziz bin Abd Karim) (Setiausaha) (Kenyataan saksi pertama plaintif (P1)) yang menyentuh perkara perjanjian tersebut dimana perjanjian tersebut hanya ditandatangani oleh Hj Rosley bin Mat seorang dan tidak pernah dibawa untuk pertimbangan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi. SP1 dalam keterangannya menyatakan:

> S4: Jika Perjanjian ini hendak mengikat Koperasi, berapa orang dan siapa sepatutnya tandatangan Perjanjian ini?
>
> J: Mengikut Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi, Perjanjian sepatutnya ditandatangani oleh tiga (3) orang iaitu Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha.
>
> S5: Pernahkah Perjanjian ini diserahkan kepada Ahli Lembaga Pengarah Koperasi untuk dipertimbangkan?
>
> J: Tidak. Saya selaku Setiausaha tidak pernah menerima salinan Perjanjian ini daripada Defendan atau Rosley Bin Mat atau dibawa untuk pertimbangan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi.

[16] Mahkamah ini turut merujuk keterangan SP2 (Kamaruzzaman bin Ahmad Sharai) (Bendahari) telah memberikan keterangan secara bertulis (P11) dalam keterangannya ada menyentuh isu yang sama seperti berikut:

> S4: Pernahkah Encik selaku Bendahari dan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi tandatangan apa-apa perjanjian dengan Defendan Pertama yang diwakili oleh Defendan Kedua? [Perjanjian dirujuk di ms 1–11 Ikatan Dokumen A]
>
> J: Tidak. Koperasi tidak pernah terlibat dengan perjanjian ini.

S5: Pernahkah Defendan atau Rosley Bin Mat membawa Perjanjian ini untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah Koperasi untuk dipersetujui dan ditandatangani oleh 3 orang Ahli Lembaga Pengarah koperasi?

J: Tidak.

S7: Pernahkah Defendan Pertama melalui Defendan Kedua berjumpa dengan Ahli Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan bagi Perjanjian tersebut sebelum ditandatangani oleh Rosley Bin Mat?

J: Tidak pernah. Cuma Defendan Kedua secara senyap-senyap dengan konspirasi Rosley bin Mat telah tandatangan Perjanjian diluar pengetahuan dan persetujuan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi.

[17] Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam plaintif yang terpelajar iaitu perjanjian tersebut yang ditandatangani oleh Hj Rosley bin Mat tanpa mendapat persetujuan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi. Perjanjian tersebut sepatutnya ditandatangani oleh tiga orang iaitu pengerusi, bendahari dan setiausaha mengikut peruntukan s 72(1) dan (2) Undang-Undang Kecil Koperasi yang dirujuk di atas. Sebaliknya perjanjian tersebut yang ditandatangani dan menjadi asas Guaman 2011 antara Hj Rosley bin Mat dan wakil defendan pertama bercanggah dengan peruntukan di atas. Mahkamah ini berpendapat perjanjian tersebut tidak sah dan ia tidak boleh menjadi asas Guaman 2011.

[18] Perjanjian tersebut ada dipertikaikan antara plaintif dan tuan tanah dalam Guaman Sivil No 22–09 Tahun 2007 ('Guaman 2007'). Plaintif telah memfailkan permohonan kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan, Permohonan Sivil No 08(f)-752–12 Tahun 2013 (R) antara lainnya mengutarakan persoalan undang-undang yang berbunyi seperti berikut:

(iii) Whether non-compliance with section 72(1) and 72(2) if the applicants by-laws enacted under S.17 of Cooperative Society Act 1993 the agreement entered by one individual without the consent/knowledge of the Board of Directors and not signed by 3 Board members is null, void and unenforceable against the applicant/appellants.

[19] Mahkamah Persekutuan, Malaysia melalui Rayuan Sivil No 02(f)-62–08 Tahun 2014 (R) pada 14 September 2015 telah membenarkan rayuan plaintif dan mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan yang memihak kepada tuan tanah. Mahkamah Persekutuan, Malaysia turut mengenepikan ganti rugi RM3 juta yang diawardkan kepada tuan tanah. Mahkamah ini berpendapat berdasarkan persoalan undang-undang yang dirangka termasuk kesan pelanggaran s 72(1) dan (2) Undang-Undang Kecil Koperasi, Mahkamah Persekutuan, Malaysia memutuskan perjanjian tersebut tidak sah. Mahkamah ini berpendapat ia juga

terpakai dalam Guaman 2011 walaupun ia melibatkan defendan pertama memandangkan asas tuntutan bersandarkan Perjanjian tersebut.

Bagi isu (b) dan (c)

[20] Mahkamah ini telah memutuskan isu (a) memihak kepada plaintif iaitu perjanjian tersebut tidak sah. Mahkamah ini akan menyentuh isu (b) dan (c) bersekali kerana ia saling berkaitan antara satu dengan yang lainnya. Mahkamah ini perlu memutuskan sama ada tindakan defendan pertama membawa prosiding garnismen terhadap wang plaintif berjumlah RM1,613,024.12 sah mengikut undang-undang. Selanjutnya sama ada plaintif berhak mendapatkan semula wang RM1,613,024.12 yang digarnis oleh defendan pertama dalam Guaman 2011.

[21] Peguam defendan-defendan yang terpelajar menghujahkan prosiding garnismen yang diambil dalam Guaman 2011 terhadap plaintif mengikut prosedur undang-undang. Prosiding garnismen berdasarkan penghakiman ingkar yang diperolehi dalam Guaman 2011. Dihujahkan plaintif tidak berhak mendaptkan semula wang yang telah digarnis dalam Guaman 2011.

[22] Peguam plaintif yang terpelajar secara ringaksnya menghujahkan penghakiman ingkar yang diperolehi dalam Guaman 2011 berpunca daripada Perjanjian tersebut yang tidak sah sebagaimana telah dihuraikan dalam isu (a) sebelum ini. Penghakiman ingkar yang menjadi asas permohonan prosiding garnismen bergantung kepada perjanjian tersebut yang tidak sah dan berdasarkan kes *Lim Kar Bee v Duofortis Properties (M) Sdn Bhd* [1992] 2 MLJ 281, prosiding garnismen menjadi tidak sah dan apa-apa wang yang digarnis perlu dikembalikan kepada plaintif.

[23] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar berkaitan isu (b) ini iaitu prosiding garnismen berpunca daripada perjanjian tersebut yang melanggar undang-undang iaitu s 53(1) Akta itu dan s 72(1) dan (2) Undang-Undang Kecil Koperasi. Sehubungan itu defendan-defendan tidak berhak menikmati wang yang digarnis berjumlah RM1,613,024 Disember

[24] Mahkamah ini berpendapat semasa prosiding garnismen bagi Guaman 2011 dibuat, sepanjang perbicaraan defendan-defendan gagal membuktikan A 49 k 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KKMT') (undang-undang yang terpakai ketika itu) dipatuhi. Defendan pertama gagal membuktikan perintah ex parte bagi maksud A 49 k 1 KKMT diserahkan kepada garnisi iaitu CIMB Bank Cawangan Kangar. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan A 49 k 3 KKMT yang berbunyi seperti berikut:

Rule 3 Service and effect of order to show cause. (O 49 r 3)

(1) An order under rule 1 to show cause must, at least 7 days before the time appointed thereby for the further consideration of the matter, *be served* —

(a) *on the garnishee personally; and*

(b) unless the Court otherwise directs, on the judgment debtor.

(2) *Such an order shall bind in the hands of the garnishee as from the service of the order on him any debt specified in the order or so much thereof as may be so specified.*

(Penekanan ditambah.)

[25] Mahkamah ini telah meneliti pernyataan saksi SD1 iaitu Ruslan bin Othman merupakan pengarah defendan pertama. SD1 dalam keterangannya sekadar menyatakan peguamnya iaitu Encik Devandran a/l Subramaniam yang menguruskan prosiding garnismen dan CIMB Bank ada membayar RM1,613,024.12 kepada defendan pertama. SD1 dimaklumkan oleh peguamnya semua prosedur garnismen telah dipatuhi. SD1 dalam keterangannya menyatakan:

11. S: Adakah encik mendapatkan semula jumlah kerugian tersebut?

J: Hanya sedikit sahaja. Peguam saya Devandran telah meneruskan dengan proses garnishi terhadap penghakiman ingkar diperolehi terhadap Plaintif. Proses garnishi tersebut hanya mengembalikan sebanyak RM 1, 613,024.12 daripada pihak yang digarnish ialah CIMB Bank Berhad. Sehingga sekarang saya masih lagi mengalami kerugian atas projek tersebut.

...

13. S: Bagaimana dengan permohonan garnishi, adakah dibuat dengan teratur dan mengikut proses undang-undang?

J: Ya. Saya dimaklumkan oleh peguam Devandran bahawa semua dokumen adalah teratur dengan mahkamah dan semua pihak. Pihak Koperasi sendiri telah gagal menjawab kepada Perintah Tunjuk Sebab yang diserahkan kepada plaintif.

[26] Mahkamah ini turut meneliti keterangan peguam En Devandran dan tiada secebis keterangan yang menunjukkan beliau ada menyerahkan perintah notis tunjuk sebab kepada CIMB Bank Bhd bagi mematuhi peruntukan A 49 k 3 KKMT. En Devandran dalam kenyataan saksinya ada menyatakan ada menyerahkan perintah garnisi muktamad bertarikh 13 Julai 2011 yang dikeluarkan oleh YA Dato' Mohd Zaki bin Abdul Wahab, pesuruhjaya kehakiman (pada ketika itu) kepada CIMB Bank Bhd. En Devandran (SD2) dalam keterangannya menyatakan:

20. S: Setelah memperolehi Perintah Garnisi Muktamad tersebut apa tindakan encik seterusnya?

J: Setelah memperolehi Perintah Muktamad tersebut saya telah menyerahkannya kepada pihak yang digarnish iaitu CIMB Bank Berhad Kangar.

[27] Mahkamah ini telah meneliti surat CIMB Bank Bhd bertarikh 6 Julai 2011 yang memaklumkan pihak plaintif iaitu wang berjumlah RM1,613,024.12 daripada akaun No 09020003702054 telah dibekukan atas perintah garnisi mahkamah. Sepanjang perbicaraan pihak defendan-defendan tidak mengemukakan perintah garnisi untuk tunjuk sebab ada diserahkan kepada CIMB Bank Bhd. Mahkamah ini merujuk surat CIMB Bank Bhd yang ditandatangani oleh Mohd Nahar bin Hj Ismail selaku pengurus bank yang secara jelas menyatakan:

> Please kindly be advice that we have on 6th July 2011 frozen the amount of RM1,613,024.12 from your account no 09020003702054 with our Branch due to the Court's garnishee order (please see copy of the garnishee order enclosed).

[28] Mahkamah ini merujuk kes *Nam Sin & Sons Sdn Bhd lwn Pakatan Raya Sdn Bhd* [2001] 1 MLJ 531; [2001] 2 CLJ 412 dimana YA Ahmad Maarop H (pada ketika itu) dalam penghakimannya ada menyentuh keperluan penyerahan perintah tunjuk sebab kepada garnisi.

[29] Dalam penghakimannya menolak rayuan garnisi, Lim Beng Choon H telah menyatakan (di ms 861):

> In the first place, at the time of service upon a garnishee of an order to show cause all such property of the judgment debtor as therein mentioned is being attached in the hands of the garnishee to answer the order to show cause. In other words, the attachment of the property of the judgment debtor has already been effected and the garnishee is asked to appear at the hearing of the order to show cause to explain if he can, 'why he should not pay to the person who has obtained such judgment or order' the debt due from him or so much thereof as may be sufficient to satisfy the judgment or order (per judgment of Chitty J in the case of *Re Greer*). In citing the judgment of Chitty J, I have not overlooked the fact that in making this proposition, His Lordship was giving an exposition of the effect of the provisions of O 45 r 1 of the pre-1963 English Supreme Court Rules which was in pari materia with O 45 r 1 of our old Rules of High Court 1957.
>
> However that may be, it is to be noted that under O 49 r 1(2) of our new Rules of High Court 1980 the same provision has been provided where it says:
>
> > An order under this rule shall in the first instance be an order to show cause, specifying the time and place for *further consideration of the matter and in the meantime attaching such debt as is mentioned in para (1) or so much thereof as may be specified in the order to answer the judgment or order* mentioned in that paragraph and the costs of the garnishee proceedings. (Emphasis added.)
>
> From the clear wording of O 49 r 1(2) *there can be no dispute that upon the issue and the service of the order to show cause on the garnishee, the attachment of the property of the judgment debtor has been affected and the garnishee is asked to appear only to show cause as to why he should not release the debt to the judgment creditor.* (Penekanan ditambah.)

[30] Mahkamah ini berpendapat defendan pertama semasa mengambil prosiding garnismen dalam Guaman 2011 gagal mematuhi peruntukan A 49 k 3 KKMT dan ini menjejaskan tindakan wang yang ditahan oleh CIMB Bank Bhd. Defendan pertama secara salah memperolehi wang RM1,613,024.12 daripada plaintif.

[31] Mahkamah ini mengambil pendekatan yang lebih jauh (sekiranya perjanjian tersebut sah), penghakiman ingkar yang diperolehi oleh defendan pertama dalam Guaman 2011 tidak sah kerana jumlah yang dicatatkan iaitu RM7,657,919.50 sepatutnya ditaksirkan terlebih dahulu. Mahkamah ini meneliti penyata tuntutan dalam Guaman 2011, butir-butir kerugian ada diperincikan di item (a)–(j). Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar walaupun jumlah dinyatakan RM7,657,919.50 ia perlu ditaksirkan terlebih dahulu. Mengikut klausa 6 khasnya 6.4 telah dipersetujui segala kos sampingan berkaitan projek pembangunan ini ditanggung oleh defendan pertama dan bukannya pihak plaintif. Mahkamah ini telah meneliti penyata tuntutan dalam Guaman 2011, ada beberapa kos yang dituntut daripada plaintif iaitu di item (a), (b), (c), (g), (h) dan (i). Sebaliknya, mengikut klausa 6.4 ada diperuntukan seperti berikut:

> 6.4 IT IS AGREED that the whole costs of and incidental to the development of the said project shall be wholly borne by the said Second Party.

[32] Mahkamah ini merujuk kes *Seok Mee Seong v Abdul Wahab bin Abdul Rahman* [1989] 1 MLJ 193; [1988] 2 CLJ Rep 415 dimana YA Mustapha Hussain H ada menyentuh seperti berikut:

> VC George J in his judgment in the case of *Mahindar Singh v Amanah Saham Pahang Bhd & Anor* [1983] MLJU 1; [1984] 2 CLJ 205 (Rep) a case on all fours with ours, succinctly reasoned and held that the words 'debt or liquidated demand' do not extent to unliquidated damages even if that amount of damages is a definite figure. This court is of the same view.
>
> In our case the respondent's (plaintiff) claim is for costs of repairs to his damaged car. There are 15 items of repairs (see invoice of Syarikat Wee Seng Motor). Were all these items of repairs and or replacement of parts necessary or were the replacements of parts and repairs carried out as a result of the accident? Even though the claim here has been quantified and definite figures given, it does not come within the meaning of 'debt or liquidated damages' (see *Knight v Abbott, Page, & Co* (1882) 10 QBD 11).

[33] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan YA Hakim dalam kes *Seok Mee Seong* iaitu walaupun defendan pertama dalam Guaman 2011 memplidkan jumlah tertentu iaitu RM7,657,919.50, penghakiman ingkar tidak teratur dan ia perlu penghakiman ingkar interlokutori. Defendan pertama (plaintif) dalam Guaman 2011 sepatutnya memohon ganti rugi ditaksirkan terlebih dahulu.

[34] Mahkamah ini berpendapat penghakiman ingkar yang menjadi asas prosiding garnismen tidak teratur dan menjejaskan tindakan defendan pertama mendapatkan wang RM1,613,024.12 daripada plaintif.

[35] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat isu (b) dan (c) memihak kepada plaintif.

Bagi isu (d)

[36] Peguam defendan yang terpelajar dalam hujahan bertulisnya bertarikh 17 Disember 2017 di ms 3–5 ada membangkitkan plaintif dalam penyata tuntutannya agak kabur apakah kausa tindakan yang disandarkan bagi menuntut wang RM1,613,024.12 terhadap defendan-defendan.

[37] Mahkamah ini telah meneliti ikatan pliding pindaan plaintif (Ikatan Dokumen 'A'), di ms 1–13 ia telah memperincikan apakah kausa tindakan terhadap defendan-defendan. Mahkamah ini berpendapat penyata tuntutan pindaan yang difailkan oleh plaintif tidak kabur sebagaimana dakwaan peguam defendan-defendan yang terpelajar. Mahkamah ini telah meneliti pembelaan pindaan defendan-defendan (ms 14–17), defendan-defendan tidak mempunyai masalah untuk menyediakan pembelaannya.

[38] Mahkamah ini juga berpendapat sekiranya dakwaan defendan-defendan benar iaitu 'penyata tuntutan mendedahkan kausa tindakan atau pembelaan yang tidak munasabah, mengikut mana-mana yang berkenaan; ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan; ia boleh menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan itu dengan adil; atau ia selainnya adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah, dan boleh memerintahkan tindakan itu digantung atau ditolak atau penghakiman dicatatkan dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan', defendan-defendan boleh memfailkan permohonan untuk membatalkan penyata tuntutan plaintif di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') cabang (a), (b), (c) atau (d).

[39] Mahkamah ini berpendapat defendan-defendan hanya membangkitkan isu ini didalam penghujahanya dan ia bersifat berfikir kemudian. Mahkamah ini tidak sependapat dengan hujahan peguam defendan-defendan yang terpelajar dalam isu (d) ini.

Bagi isu (e)

[40] Peguam defendan-defendan yang terpelajar menghujahan tindakan plaintif telah dihalang oleh had masa khasnya peruntukan di bawah s 6(1) Akta Had Masa 1953 ('Akta 1953'). Dihujahkan perkara-perkara yang dinyatakan

di dalam perenggan 5, 6, 7, 8, 10 dan 13 penyata tuntutan ia berlaku dalam tahun 2002–2006. Plaintif memfailkan writ dan penyata tuntutan dalam tahun 2016 iaitu melebihi had masa yang dibenarkan oleh undang-undang.

[41] Mahkamah ini telah dibawa perhatiannya kepada kes *Instantcolor System Sdn Bhd v Inkmaker Asia Pacific Sdn Bhd* [2017] 4 CLJ 1; [2017] 2 MLJ 697 dan *Syarikat Kemajuan Timbermine Sdn Bhd v Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim* [2015] 3 MLJ 609 sebagai nas sandarannya berkaitan tuntutan yang dihalang oleh had masa.

[42] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu had masa yang dibangkitkan oleh peguam defendan-defendan yang terpelajar, eloklah diteliti penyata pembelaan pindaan yang difailkan oleh defendan-defendan. Defendan-defendan seharusnya sedar apa-apa pembelaan terarah kepada apa yang diplidkan dan ia tidak boleh tersasar atau pembelaan yang tidak diplidkan khasnya isu had masa yang menjadi sandarannya. Mahkamah ini berpendapat ia memadai untuk merujuk kes tersohor iaitu *Lee Ah Chor v Southern Bank Bhd* [1991] 1 MLJ 428; [1991] 1 CLJ Rep 239 dimana YA Mohd Jemuri Serjan HMA ada menzahirkan pandangannya berkaitan pentingnya pliding seperti berikut:

> It does not seem necessary for us to emphasise and repeat the importance of pleadings in a civil suit castigating observations on which had been made from time to time in many cases in our courts. It is only a question of whether counsels, either because of negligence, inadvertence or call it what you will, choose to pay them scant or no heed at all and we must say that they do so at their peril. Recently lapses in the strict compliance with the rules of pleadings occurred in our courts with marked frequency and we do not see how such lapses in the courts should be tolerated at the expense of the clients.

[43] Berbekalkan prinsip *Lee Ah Chor*, mahkamah ini menjenguk semula apa yang diplidkan oleh defendan-defendan dalam penyata pembelaan pindaanya. Mahkamah ini berkali-kali membaca penyata pembelaan pindaan yang difailkan oleh defendan-defendan, malangnya tiada pembelaan had masa diplidkan.

[44] Mahkamah ini merujuk kes *Syarikat Kemajuan Timbermine Sdn Bhd* di mana YA Azahar Mohamed HMP ada menyentuh kepentingan memplidkan had masa yang diperuntukan di bawah Akta 1953 sebagaimana berikut:

> [26] Even though the 1953 Act was not mentioned by name in the defence, it would be sufficient, in our judgment, for the defendant to aver in the defence that the plaintiff's claim is time-barred according to law (see *Re Estate Of Choong Lye Hin, Decd; Choong Gim Guan v Choong Gim Seong* [1977] 1 MLJ 96; [1976] 1 LNS 130 and *Mariam bte Shaik Mohd Omar v Ong Chin Poh* [1994] 3 MLJ 419; [1994] 3 CLJ 635; [1994] 1 LNS 218).

[45] Mahkamah ini merujuk kes *Syarikat Kemajuan Timbermine Sdn Bhd*, di mana isu had masa ada diplidkan dalam penyata pembelaan secara amnya. YA Azahar Mohamed HMP dalam penghakimannya membuat pengamatannya seperti berikut:

> (i) Whether limitation is sufficiently pleaded
>
> [25] As a starting point, the significant point to note is that the defence of limitation was properly and sufficiently pleaded by the defendant in para 18 of its defence which reads:
>
> > Defendan sekali lagi mengatakan bahawa tindakan plaintif ini adalah dihalang oleh had masa dan defendan berhak ke atas pembelaan tersebut di sisi undang-undang.

[46] Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah ini, defendan-defendan gagal memplidkan isu had masa walaupun secara am sebagaimana yang berlaku dalam kes *Syarikat Kemajuan Timbermine Sdn Bhd*. Mahkamah ini berpendapat isu had masa tidak dapat dipertimbangkan kerana ia tidak diplidkan dalam penyata pembelaan pindaan.

[47] Mahkamah ini berpendapat kes-kes yang dirujuk oleh peguam defendan-defendan yang terpelajar iaitu *Instantcolor System Sdn Bhd* dan *Syarikat Kemajuan Timbermine Sdn* ia berbeza fakta kesnya dengan kes di hadapan mahkamah sekarang. Dalam kes *Instantcolor System Sdn Bhd*, secara jelas memutuskan keperluan memplidkan peruntukan had masa. Kegagalannya ia mengundang kepada musibah kepada pihak yang cuba bergantung kepada isu had masa. YA Ramly Ali HMP dalam penghakimannya menyatakan:

> (4) The issues of constructive trust, fraud and fraudulent breach of trust as raised by the plaintiff were vital issues in bringing into play the exceptions to limitation period under s 22 of the Act. They must be specifically pleaded in the pleadings, failing which, they could not be allowed to be argued and to succeed on appeal. However, the issues relating to the exception to limitation period under s 22 of the Act was only raised by the plaintiff for the first time during the hearing of this appeal. Therefore, it should not be allowed. (paras 61 & 66)
>
> (5) Where fraud or fraudulent breach of trust is relied upon as excluding the limitation period, it must be clearly pleaded in the pleadings to bring the case within the appropriate statutory provisions. To merely plead 'breach of fiduciary duty', as had been done by the plaintiff here, was too vague and too general. Hence, the issues relating to constructive trustee, fraud, fraudulent breach of trust, dishonesty and s 22 of the Act as raised by the plaintiff clearly amounted to a radical departure from the pleaded case of the plaintiff and therefore ought not to be allowed. (paras 58, 63 & 67)

[48] Dalam kes *Syarikat Kemajuan Timbermine Sdn*, had masa ada diplidkan secara am walaupun tidak menyatakan peruntukan di bawah Akta 1953.

Sebaliknya dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, defendan-defendan langsung tidak memplidkan isu had masa secara am atau khusus.

[49] Peguam defendan-defendan yang terpelajar dalam usahanya yang terakhir untuk menafikan tuntutan plaintif cuba bergantung kepada pembelaan 'laches'. Selanjutnya dihujahkan plaintif mengambil masa 14 tahun untuk mendapatkan wang RM1,613,024.

[50] Sebelum mahkamah ini menimbangkan isu ini secara mendalam, eloklah dirujuk nas duluan yang mengariskan prinsip 'laches' terlebih dahulu. Mahkamah ini merujuk kes *Baharuddin bin Ali & Anor v Suharta Development Sdn Bhd* [2003] MLJU 127; [2003] 1 LNS 113 di mana YA Ramly Hj Ali H (pada ketika itu) ada menzahirkan pandangnnya seperti berikut:

> The doctrine of laches in the court of equity is not an arbitrary or a technical doctrine. The discretion is founded on the principle that there may be circumstances when it would be practically unjust to give a remedy of specific performance, for example either because the party has by his conduct done that which might fairly be regarded as a waiver or where by his conduct he has put the other party in a situation in which it would be unreasonable to place him if the remedy were afterwards to be asserted (see *M Mahadevan v S Lourdenadin* [1988] 2 MLJ 371; [1988] 1 CLJ Rep 168; [1988] 2 CLJ 601).

[51] Mahkamah ini selanjutnya merujuk kes *Citibank Bhd v Leong Wey Pyu & Anor* [1998] MLJU 189; [1998] 3 CLJ SUPP 1 di mana YA Mohd Noor Ahmad H (pada ketika itu) menyuarakan pandangannya seperti berikut:

> [3] It is not every delay that can constitute a valid equitable defence of laches. It depends on the facts of each case. A delay which is sufficient to amount to a waiver or which prejudiced the defendant is a good defence. Mere delay cannot constitute laches. On the facts, there was no evidence either to justify the presumption of waiver against the plaintiff or to conclude that the defendants had been prejudiced by such delay. Therefore, the plaintiff need not explain the delay and furthermore, as the issue of delay was never raised in the defendant's affidavit the plaintiff could not be expected to reply to it.

[52] Mahkamah ini berpendapat sebagaimana isu had masa, defendan-defendan juga gagal memplidkan pembelaan 'laches'. Mahkamah ini menggunakan alasan-alasan yang sama semasa menyentuh isu had masa dalam konteks pembelaan 'laches'. Mahkamah ini berpendapt defendan-defendan tidak boleh bergantung kepada pembelaan 'laches' kerana ia tidak diplidkan dalam penyata pembelaan pindaan. Mahkamah ini berpendapat isu (e) tidak memihak kepada defendan-defendan dan ia tersungkur ke bumi dengan sendirinya.

A KESIMPULAN

[53] Berdasarkan alasan-alasan yang dihuraikan di atas, Mahkamah ini membenarkan tuntutan plaintif di perenggan 16(a) dan (e) dan kos sebanyak RM1,000 berserta *allocatur*. Mahkamah ini selanjutnya memerintahkan defendan-defendan membayar RM1,613,024.12 kepada plaintif. Mahkamah ini turut memerintahkan kadar faedah 4% setahun mulai notis dikeluarkan sehingga pembayaran penuh.

Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos sebanyak RM1,000 berserta alokatur dan defendan-defendan diperintahkan membayar RM1,613,024.12 kepada plaintif.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar